

5 Mei 2010

## **Amerika Syarikat Meningkatkan Bantuan Dana Segera untuk Perubahan Iklim**

Negara-negara maju menjanjikan \$30 bilion untuk dua tahun

Oleh Karin Rives

Penulis Staf

Washington - Amerika Syarikat akan melaksanakan langkah-langkah bagi menunaikan tanggungjawabnya dalam bantuan dana segera seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Copenhagen mengenai perubahan iklim, kata para pegawai negara itu.

Untuk tahun kewangan 2011, yang bermula pada 1 Oktober, pentadbiran persekutuan A.S. telah meminta \$1.9 bilion untuk dana iklim antarabangsa daripada Kongres yang meluluskan semua perbelanjaan kerajaan persekutuan. Jumlah itu meningkat daripada \$1.3 bilion yang diterima oleh pentadbiran persekutuan pada tahun 2010 untuk membantu negara-negara membangun mengurangkan pembebasan gas rumah hijau dan menghadapi kesan perubahan iklim. Ini bermakna peruntukan pada tahun 2010 adalah tiga kali lebih tinggi daripada jumlah pada tahun 2009.

Di persidangan perubahan iklim anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Copenhagen bulan Disember lalu, Amerika Syarikat dan negara-negara lain yang menandatangani Perjanjian Copenhagen bersetuju untuk mengumpul \$30 bilion dari tahun 2010 hingga 2012 sebagai dana untuk negara membangun menghadapi risiko banjir, kemarau, wabak penyakit dan bencana lain yang disebabkan oleh perubahan iklim. Mereka juga berjanji untuk mengumpul \$100 bilion setahun menjelang tahun 2020 dan menubuhkan Tabung Iklim Hijau Copenhagen untuk membantu negara-negara tersebut mengawal pembebasan gas rumah hijau dan menghadapi cabaran perubahan iklim.

Namun persoalan yang timbul adalah sama ada negara-negara maju mampu dan sanggup membelanjakan wang menunaikan janji-janji mereka - terutama ketika banyak negara, termasuk Amerika Syarikat, menghadapi kesulitan ekonomi dan cabaran-cabaran domestik lain. Bercakap selepas Forum Negara Ekonomi Utama mengenai Tenaga dan Iklim pada bulan April di Washington, para pegawai memberitahu wartawan bahawa negara-negara kuasa ekonomi dunia bersedia untuk memenuhi janji yang mereka buat di Copenhagen.

“Saya kira terdapat satu kesedaran - oleh semua orang yang menghadiri Persidangan itu - bahawa amat penting untuk memberikan komitmen yang baik,” kata Michael Froman, timbalan penasihat keselamatan nasional A.S. bagi hal ehwal ekonomi antarabangsa. Meskipun perbincangan di

Washington tidak tertumpu pada bagaimana setiap negara akan memberikan sumbangan mereka, terdapat “persetujuan umum bahawa dana perlu disediakan,” katanya.

Todd Stern, utusan khas A.S. dan pegawai perunding atasan mengenai perubahan iklim, menambah bahawa bantuan Amerika Syarikat yang merupakan sebahagian daripada pembiayaan \$30 bilion sudah mula disalurkan dan akan terus disalurkan pada tahun 2010. Kira-kira 40 peratus wang ini akan disalurkan ke projek-projek yang dilaksanakan oleh Agensi Pembangunan Antarabangsa A.S. (USAID) di bawah program bantuan luar negara di negara-negara individu. Selebihnya akan dihantar ke pelbagai tempat lain, termasuk ke dana pelaburan iklim yang dikendalikan oleh Jabatan Perbendaharaan A.S., katanya.

“Kami bersikap telus sepenuhnya tentang rancangan pembiayaan kami,” kata Stern.

Setakat ini, negara-negara individu menyalurkan wang itu ke program-program pilihan mereka sendiri, kata Stern, tapi perbincangan telah bermula untuk penyelarasan dana iklim pada masa depan.

Bantuan A.S. untuk dana iklim antarabangsa pada tahun 2010 dan wang yang diminta oleh pentadbiran persekutuan A.S. untuk 2011 merangkumi \$1 bilion yang dijanjikan oleh kerajaan A.S. untuk digunakan bagi projek-projek perhutanan di bawah program Pengurangan Emisi daripada Pembasmian Hutan dan Degradasi (REDD) yang dipimpin oleh PBB. Program ini akan memberikan insentif kewangan kepada pemilik tanah supaya tidak menebang pokok, sebagai galakan untuk memelihara hutan. Ia juga akan membantu membiayai pemuliharaan hutan dan pengurusan hutan yang lestari.

Setiap kali sebuah pokok ditebang, karbon dioksida yang tersimpan di dalam pokok akan dilepaskan ke atmosfera. Pembasmian hutan dianggarkan menyumbang sekitar 20 peratus emisi gas rumah hijau. Jika program REDD ini berjaya, ia boleh memberi kesan yang ketara terhadap suhu global.

Baca lebih lanjut: <http://www.america.gov/st/energy-english/2010/May/20100505145820KseviR0.1330377.html?CP.rss=true%20#ixzz0wkdTgXak>

*Negara maju menjanjikan \$30 bilion untuk menangani kesan perubahan iklim jangka pendek di negara-negara membangun.*

*Amerika Syarikat merancang untuk membelanjakan \$1 bilion dari tahun 2010 hingga 2012 untuk menghalang pembasmian hutan.*